

## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

### BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA  
KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

---

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak tahun 2019 mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

**Mengapa ia  
penting untuk  
diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya pada akhir tahun 2019, di samping dapat membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

**BAHAGIAN I  
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak Bagi  
Tahun Berakhir 31 Disember 2019**

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**BAHAGIAN II  
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM1.280 bilion, iaitu meningkat sejumrah RM203.73 juta berbanding RM1.077 bilion pada akhir tahun 2018.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan peningkatan sejumrah

RM5.14 juta menjadi RM617.59 juta berbanding RM612.45 juta pada tahun 2018.

- Kutipan hasil meningkat sejumlah RM25.73 juta atau 2.4% menjadi RM1.095 bilion berbanding RM1.069 bilion pada tahun 2018. Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM19.46 juta atau 23.5% kepada RM102.33 juta daripada RM82.87 juta pada tahun 2018.
- Pelaburan Am meningkat sejumlah RM19.40 juta atau 2.2% kepada RM916.37 juta daripada RM896.97 juta pada tahun 2018.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM30.51 juta atau 2.9%, iaitu daripada RM1.059 bilion pada tahun 2018 kepada RM1.090 bilion pada tahun 2019.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2019 adalah baik, iaitu sejumlah RM357.35 juta atau 89.3% telah dibelanjakan berbanding RM400 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 1,011 projek telah dirancang yang mana 971 projek atau 96% telah disiapkan sepenuhnya, 25 projek atau 2.5% sedang dilaksanakan dan 15 projek atau 1.5% masih belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM48.79 juta atau 15.2% daripada RM321.82 juta pada tahun 2018 kepada RM273.03 juta pada tahun 2019. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM11.82 juta atau 1,284.9% daripada RM0.92 juta pada tahun 2018 kepada RM12.74 juta pada tahun 2019.
- Jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM57.49 juta atau 18.4% menjadi RM255.80 juta berbanding RM313.29 juta pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sejumlah RM6.19 juta atau 29.7% menjadi RM27.05 juta berbanding RM20.86 juta (selepas ditolak hapus kira berjumlah RM3.37 juta) pada tahun 2018.

### **BAHAGIAN III**

### **Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- Setakat 15 Ogos 2020, sebanyak 28 penyata kewangan BBN, PBT dan MAI bagi tahun berakhir 2019 telah dikemukakan kepada

Jabatan Audit Negara. Berdasarkan surat daripada Pejabat Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan bertarikh 27 April 2020, agensi diluluskan penangguhan tarikh akhir penyerahan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara pada 31 Mei 2020 berbanding 30 April 2020. Kelulusan ini dibuat berdasarkan situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 dan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020.

- Sebanyak tujuh (7) agensi telah mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, satu (1) daripadanya iaitu Yayasan Perak telah mendapat surat kelulusan tambahan tempoh penangguhan penyerahan penyata kewangan sehingga 31 Julai 2020. Dua (2) agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan Yayasan Perak.
- Setakat 15 Ogos 2020, kesemua 28 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 2019 masih belum dapat disahkan berikutan penangguhan tarikh akhir penyerahan penyata kewangan yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri Perak. Oleh itu, analisis prestasi kewangan agensi negeri juga tidak dilaporkan pada kali ini.

---

#### **BAHAGIAN IV** **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

---

##### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap kementerian, jabatan dan agensi.
- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap tiga (3) perkara melibatkan jabatan/agensi seperti berikut:
  - Pemberimilikan dan Tuggakan Cukai Tanah di Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Batu Gajah dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar;
  - Lesen Pendudukan Sementara di Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang; dan
  - Perolehan Sebut Harga di Lembaga Air Perak.

**Mengapa ia  
penting  
untuk  
diaudit?**

Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

**• Pemberimanikan dan Tunggakan Cukai Tanah di Pejabat Daerah Dan Tanah Kinta, Batu Gajah dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar**

- hasil pemberimanikan sejumlah RM152,264 tidak dapat dikutip; dan
- pengeluaran Notis Tuntutan Hasil Terhutang (Borang 6A) kepada pemegang hak milik tertunggak masih belum dikeluarkan sejumlah RM5.06 juta.

**• Lesen Pendudukan Sementara di Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang**

- hasil tidak dikutip bagi permohonan pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara berjumlah RM50,438; dan
- Lesen Pendudukan Sementara tidak diperbaharui sejumlah RM74,866.

**• Perolehan Sebut Harga di Lembaga Air Perak**

- pecah kecil perolehan sebut harga sejumlah RM0.60 juta;
- kontrak formal tidak disediakan bagi 11 sebut harga kontrak bermasa sejumlah RM0.93 juta;
- bayaran sewaan *backhoe* tidak mengikut Surat Setuju Terima sejumlah RM111,517;
- bayaran kepada kontraktor terlebih bayar sejumlah RM13,075; dan
- perubahan kerja berjumlah RM34,842 diluluskan selepas kerja dilaksanakan.